

Permainan tradisional ceriakan murid OKU

info

Karnival Permainan Tradisional

Antara aktiviti diadakan

- Batu seremban
- Lompat getah
- Baling selipar
- Chapteh
- Tuju tin

Oleh Meor Ahmad
Nasriin Rizal Ishak
meor.ahmad@bh.com.my

► Melaka

Politeknik Merlimau (PMM) di sini mengadakan Karnival Permainan Tradisional khusus untuk murid golongan orang kurang upaya (OKU) dari lima sekolah rendah sekitar Merlimau, baru-baru ini.

Lima sekolah terbabit ialah Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Rambai, SK Batu Gajah, SK Parit Penghulu, SK Seri Mendapat dan SK Parit Gantong.

Inisiatif tanggungjawab sosial politeknik (PSR) itu dijalankan dengan kerjasama SK Sungai Rambai bagi merealisasikan Program Kolaborasi Pendidikan Khas Integrasi sekolah berkenaan.

Timbalan Pengarah (Akademik) PMM, Rosita

Zainal, berkata antara objektif karnival yang berlangsung di Pusat Sukan politeknik itu ialah menceriakan dan meningkatkan keyakinan diri peserta terbabit.

Rapatkan jurang

"Program ini juga dapat merapatkan jurang antara pihak politeknik dengan sekolah di sekitar Merlimau, selain memupuk kerjasama dalam kalangan murid, guru dan pensyarah," katanya.

Beliau berkata, mahasiswa membantu menjayakan program itu turut berpeluang menimba pengalaman baharu yang boleh menyemarakkan semangat mereka dalam menjalani kehidupan harian.

"Mereka secara tidak langsung juga dapat mengasah kemahiran menguruskan pelaksanaan suatu program dengan baik melalui penganjuran karnival ini," katanya.



Permainan batu seremban turut menjadi tumpuan murid yang mengambil bahagian.



Peserta teruja menguji ketangkasan masing-masing dalam permainan lompat getah.